KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	011.03.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	PERHILITAN			

Masih siasat dakwaan kehadiran pak belang

Dungun: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu masih menyiasat dakwaan kemunculan seekor harimau di Taman Bersekutu dekat sini, malam semalam.

Pengarahnya, Loo Kean Seong berkata, setakat ini, pihaknya masih belum menerima laporan rasmi namun sudah menghantar kakitangannya untuk menyiasat.

"Setakat ini, kami hanya membaca laporan berhubung dakwaan seorang penunggang motosikal dikejar harimau di laman sosial Facebook (FB).

"Kami sudah menghantar kakitangan untuk menyiasat perkara itu," katanya.

Ketua Polis Daerah Dungun Superintendan Baharudin Abdullah pula meminta penduduk sekitar kawasan perumahan itu supaya sentiasa berwaspada.

"Jika ia benar, mungkin harimau itu datang dari kawasan hutan Bukit Bauk memandangkan ia terletak hanya kira-kira 200 meter daripada penempatan penduduk.

"Kepadatan penduduk di kawasan berkenaan agak tinggi dan laluan di belakang taman perumahan itu juga digunakan orang ramai untuk ke kawasan air terjun," katanya.

Katanya, Perhilitan sudah dimaklumkan berkaitan kejadian dan penduduk diminta mendengar nasihat pihak berkuasa dari semasa ke semasa.



BAHARUDIN

Sementara itu, penduduk kampung, Roslan Mohamad, 60, berkata, ia kali pertama kemunculan harimau dilaporkan.

"Sepanjang 20 tahun ini, belum ada penduduk terserempak, ternampak atau dikejar harimau," katanya.

Katanya, di kawasan itu, ada penduduk yang menternak kambing selain terdapat babi berkeliaran di kawasan sekitar.

"Mungkin harimau itu keluar untuk memburu babi atau tersesat untuk pulang ke habitat asalnya.

"Setiap petang, kawasan berkenaan menjadi laluan orang ramai, terutamanya kanak-kanak, untuk memancing atau mandi," katanya.

Pada kejadian jam 8.40 malam kelmarin, penghantar makanan, Mohd Syafiq Mamat, 27, mendakwa diterkam harimau di kawasan itu selepas menghantar makanan dipesan pelanggan di Taman Bersekutu.